

Tokoh Wanita negeri sedia pertahan exco

BH 21 FEB 2000

Oleh Norazmi Talib dan Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Ahad – Beberapa tokoh Wanita Umno peringkat negeri mula menawarkan diri untuk mempertahankan jawatan sebagai ahli Exco pergerakan itu menjelang pemilihan peringkat pusat pergerakan itu Mei ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Khamsiyah Yeop, menawarkan diri untuk mempertahankan jawatan sebagai anggota Exco yang disandangnya sejak 1984.

“Saya akan mempertahankan kedudukan ahli Exco Wanita, tetapi pencalonan ini masih terserah kepada keputusan yang bakal dibuat oleh peringkat bahagian,” katanya yang juga Ketua Wanita bahagian Grik.

Exco Kebudayaan, Kesenian,

Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Pahang, Maznah Mazlan, juga akan mempertahankan kedudukannya sebagai Exco Wanita.

Ketua Wanita Pulau Pinang, Sharifah Aminah Abdul Rahman, turut menawarkan diri untuk menganggotai satu daripada 20 kerusi Exco Wanita. Beliau sebagai Exco yang dilantik dalam jawatankuasa sekarang berkata, setakat ini hanya beliau seorang daripada Wanita negeri itu menawarkan diri.

“Tetapi bagi Wanita negeri ini kita tidak hadkan jumlah ahli yang ingin bertanding... apa yang perlu ialah kita tanya diri kita sendiri (sama ada ingin bertanding),” katanya.

Turut mempertahankan jawatankuasa ialah Ketua Wanita

bahagian Segambut, Dr Norraesah Mohamad, yang menjadi Exco Wanita sejak empat tahun lalu.

Sementara itu, bekas Ahli Parlimen Kota Bharu, Ilani Datuk Ishak, berharap semua ahli Wanita Umno diberi peluang seluas-luasnya bertanding jawatan Exco Wanita bagi memastikan amalan demokrasi di negara ini terpelihara.

Serentak itu, Ilani hari ini menawarkan diri bertanding jawatan Exco Wanita Umno, pada pemilihan parti Mei depan.

“Saya menawarkan diri bertanding jawatan itu kerana pada dasarnya tidak ada peraturan menghalang mana-mana ahli merebut jawatan berkenaan,” katanya kepada *Berita Harian*

di sini, hari ini.

Beliau percaya pemimpin tertinggi Umno Pusat turut membuka peluang itu kepada semua ahli Wanita Umno untuk merebut jawatan berkenaan.

“Saya tidak nampak apa-apa alasan mengapa ahli Wanita Umno yang ingin bertanding dihalang dari berbuat demikian, sedangkan kita mengetahui pertandingan jawatan dalam Umno adalah bebas dan demokrasi,” katanya.

Ilani yang juga seorang peguam akan berusaha mendapatkan sokongan ahli Wanita Umno di peringkat cawangan dan bahagian di negeri ini.

Exco Wanita dianggotai oleh 20 ahli yang dipilih, lapan dilantik termasuk bagi jawatan setiausaha, bendahari dan ke-

tua penerangan.

Sementara itu di Melaka, ahli Jawatankuasa Umno bahagian Batu Berendam, Isnin Aman, 36, menawarkan diri bertanding jawatan ahli Exco Pemuda Umno untuk memberi perkhidmatan kepada pergerakan itu.

Isnin, seorang ahli perniagaan adalah bekas Setiausaha Pentadbiran Badan Perhubungan Umno Melaka serta bekas Setiausaha Kerja Pemuda Umno Melaka, tewas pada pemilihan empat tahun lalu.

“Saya menawarkan diri kerana ingin memberi perkhidmatan kepada Pemuda Umno berikutan mempunyai pengalaman dengan pernah menjadi perwakilan Pemuda Umno cawangan sejak 1979,” katanya.